

MENCARI CAHAYA oleh Salina Ibrahim. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017. Halaman 353. ISBN: 978-983-490-867-6.

Pengenalan

Mencari cahaya, karya Salina Ibrahim merupakan sebuah novel yang sarat dengan masalah kejiwaan yang dihadapi oleh watak utama, Kwai. Kwai telah kehilangan cahaya yang ditemuinya setelah Cahaya, isterinya kembali ke rahmatullah. Perjalanan menemui kembali cahaya yang hilang dihiasi dengan pelbagai konflik kejiwaan dan kekeluargaan serta masyarakat sekeliling. Kredibiliti penulis tidak dapat disangkal lagi dengan penghasilan novel yang mempunyai nilai yang tinggi serta pengalaman beliau selama 13 tahun sebagai wartawan dan editor di beberapa syarikat media arus perdana. Bukan itu sahaja, beliau juga ditauliahi sebagai Munsyi Sastera oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pemilihan novel yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini menjadi karya tumpuan untuk ulasan JAUHAR kerana tema dan jalan ceritanya yang mengangkat watak, pengalaman hidup dan harapan golongan gelandangan di bandar untuk memperbaiki kehidupan setelah menerima 'hidayah' dan kerjasama daripada kumpulan sukarelawan yang menghulurkan bantuan. Bahkan, pemilihan novel ini relevan kerana dapat menggambarkan situasi sebenar di negara ini yang sudah banyak kumpulan sukarelawan dan individu yang sudi memberi bantuan sama ada makanan, pakaian dan khidmat nasihat kepada golongan gelandangan untuk meneruskan serta menambah baik kualiti kehidupan mereka pada waktu yang semakin mencabar ini. Menurut Mohd Abbas, Abdul Razak & Nik Ahmad Hisham (2012), manusia moden kini dalam kekaburan tentang topik pemahaman jiwa. Oleh hal yang demikian, perungkaiannya karya yang menceritakan situasi sebenar adalah amat signifikan dalam memahami sesebuah karya dengan lebih tepat dan masyarakatnya dengan dekat.

Sinopsis *Mencari Cahaya*

Novel ini dimulakan dengan kisah sekumpulan anak muda yang merupakan pelajar sebuah institusi pengajian tinggi turun padang menyantuni golongan masyarakat gelandangan untuk mengedarkan makanan percuma dengan latar waktu awal pagi. Sekumpulan anak muda itu ialah Raiyan, Matin dan Nisha. Matin dan Nisha turut menyertai aktiviti mengedarkan makanan secara percuma setelah diajak oleh Raiyan. Manakala Raiyan pula mula melibatkan diri sebagai sukarelawan sejak bertemu sepasang suami isteri yang menjadi tulang belakang kepada aktiviti ini, Rohani dan Jalal. Kecaknaan terhadap isu masyarakat terutamanya isu mengenai gelandangan ditampilkan dalam separuh bab terawal dalam novel ini. Projek Tahun Akhir Raiyan yang berkisarkan masyarakat gelandangan menguatkan lagi jiwanya untuk mengkaji lebih dalam dan memperoleh sebanyak data yang mungkin untuk membantu kajiannya mengenai isu gelandangan.

Peristiwa yang menjadi puncak penceritaan novel *Mencari Cahaya* adalah peristiwa ketika Kwai mula sedar untuk kembali ke pangkal jalan yang pernah suatu ketika dahulu ditemuinya. Beberapa babak ketika di Rumah Bina Harapan menjadi konotasi klimaks dalam novel ini antaranya ialah ketika Kwai pergi ke masjid kerana tidak dapat melepaskan mata dan kemudian bertemu seorang ustaz. Ustaz tersebut mengajarkan Kwai semula cara menunaikan solat dan berwudhu yang betul. Kwai dibawa mengingati di Rumah Bina Harapan untuk tempoh rawatan setelah terlibat dalam meleraikan pergaduhan antara Mat dan beberapa orang lelaki di sebuah lorong gelap.

Kwai, merupakan seorang mualaf yang memeluk Islam ketika berkahwin dengan seorang perempuan yang bernama Cahaya. Namun begitu, Kwai kehilangan arah hidup dan membawa diri apabila dia kehilangan Cahaya, iaitu watak perempuan yang sangat dicintainya. Watak utama, Kwai diketengahkan sebagai watak gelandangan yang mampu berdikari dan berusaha mencari rezeki walaupun tidak mempunyai pekerjaan tetap serta mempunyai personaliti yang berbeza dengan gelandangan yang lain. Beberapa watak gelandangan seperti Bak dan Mat (yang mempunyai nama sebenar Firdaus) dimunculkan dalam beberapa peristiwa. Peristiwa signifikan antara Mat dan Kwai menemukan diri Kwai yang sebenar dan menjadi penyebab utama Kwai kembali menemukan cahaya dan juga Cahaya, arwah isterinya.

Penulis memberi gambaran tentang kisah percintaan Kwai dan Cahaya yang berlainan agama dan budaya dengan memunculkan watak Soo dan Raiyan. Soo merupakan seorang rakan kepada Raiyan, Matin dan Nisha yang juga terlibat sebagai sukarelawan untuk mengedarkan makanan kepada gelandangan. Soo kelihatan mempunyai hati kepada Raiyan dan begitu juga sebaliknya. Kisah gurau senda mengenai mereka menyerikan penceritaan novel ini. Konflik kekeluargaan yang ditampilkan dalam cerita ini ketika Raiyan mendapat tahu kedudukannya sebenar sebagai anak angkat. Konflik dileraikan dengan menyedari hakikat kasih sayang ibu bapa angkat kepada Raiyan. Pencarian keluarga kandung Raiyan tidak berjaya kerana ramai yang telah meninggal dunia.

Plot kelihatan menarik dan menampilkan daya kreatif penulis, iaitu melalui teknik imbas semula yang digunakan untuk menceritakan latar belakang dan kisah silam Kwai dan seterusnya membawa kepada peleraian cerita. Banyak persoalan yang terjawab di akhir cerita, termasuklah mengenai ibu bapa kandung Raiyan. Keputusan Kwai untuk pulang ke kampung isterinya yang terletak di Kedah menjadi tonggak utama peleraian cerita. Kwai atau nama islamnya Abdullah, berjaya menjejak kembali ke kubur isterinya yang terletak disebelah masjid setelah berjaya bertemu dengan adik kepada Imam Ahmad, Arshad, yang merupakan orang lama kampung itu dan tahu kisah lampau Kwai. Melalui Arshad, Kwai diberikan sebuah bilik untuk bertugas menjaga masjid. Arshad mengetahui Kwai tidak mempunyai arah tuju yang lain dan berasa kasihan kepada Kwai. Cerita berakhir dengan kebenaran yang ditemuinya melalui penemuan kad pelajar Raiyan di dalam begnya yang membawa ingatannya kepada Cahaya yang selalu menyebut nama Raiyan ketika mereka sedang menanti kelahiran anak sulung mereka. Maka benarlah firasatnya ketika dia bercakap dengan Raiyan, dia seolah-olah melihat Cahaya. Keyakinannya bahawa satu hari nanti dia akan bertemu semula dengan anaknya sebagai pengakhiran cerita.

Perbincangan *Mencari Cahaya* dengan Penerapan Teori Psikoanalisis

Bahagian ini mengukuhkan ulasan novel ini dengan dikaitkan Teori Psikoanalisis (Sigmund Freud, 1923) sebagai karya yang berkualiti untuk dibaca oleh pembaca dengan 'mencapai akal positif' kerana hidup di Malaysia yang aman damai dalam suasana harmoni pelbagai kaum.

Teori Psikoanalisis

Tiga unsur atau prinsip keperibadian utama, iaitu id, ego, superego dalam teori ini. Id adalah bahagian dari komponen keperibadian yang asli yang dibawa oleh seseorang individu sejak lahir. Id merupakan komponen psikologi yang mempunyai sifat primitif. Id ialah sumber segala tenaga psikik sehingga komponen utama keperibadian. Id terdorong oleh prinsip kesenangan yang berusaha bagi memperoleh kepuasan segera dari semua kemahuan.

Sekiranya kemahuan ini tidak dipenuhi maka akan berlakunya ketegangan. Ada ketika manusia berada dalam keadaan berperang dalam dirinya, gelisah, keluh kesah dan sebagainya. Sebagai contoh, sekiranya seseorang bayi itu menangis kerana lapar maka kanak-kanak tersebut akan memberi isyarat kepada ibunya dengan cara menangis. Peningkatan rasa lapar akan mendorong bayi itu berusaha untuk mendapatkan makanan. Id memainkan peranan yang penting dalam permulaan hidup kerana dapat memastikan keperluan bayi itu dipenuhi dengan sempurna.

Diikuti, ego yang berkaitan realiti dan kenyataan yang ada, bermula serta dibawa sejak lahir tetapi berkembang bersama dengan hubungan individu dalam lingkungan persekitaran. Kemampuan untuk bertahan dalam sesebuah kehidupan tidak hanya bergantung pada tindakan mengikut dorongan tetapi harus belajar untuk menghadapi realiti. Ego bersifat lebih kompleks berbanding id kerana ego merupakan struktur keperibadian yang berkaitan dengan tuntutan realiti yang mengandungi pemahaman yang tepat.

Menurut Muhibbu Abivian (2015), ego berusaha menahan tindakan sehingga memiliki peluang untuk memahami realiti, memahami apa-apa yang berlaku pada masa lalu dan membuat perancangan yang realistik pada masa hadapan. Tujuan ego adalah untuk menemui cara yang realistik dalam bentuk yang memuaskan id. Ego juga berguna untuk menyaring dorongan-dorongan yang ingin dipuaskan oleh id berdasarkan kenyataan yang ada.

Seterusnya, superego pula merupakan sistem keperibadian yang mengandungi nilai-nilai dan aturan yang bersifat evaluatif (berkaitan penilaian baik buruk). Superego lebih terarah kepada kesempurnaan daripada kesenangan. Oleh itu, superego dapat dianggap sebagai aspek moral daripada keperibadian itu sendiri. Superego telah memberikan panduan untuk melakukan sebuah penilaian. Antara fungsi superego ialah bertindak sebagai pengendali dorongan-dorongan naluri id agar dorongan tersebut disalurkan dalam cara yang dapat diterima oleh masyarakat. Selain itu, superego juga mengarahkan ego pada matlamat yang sesuai dengan moral daripada kenyataan dan mendorong individu kepada kesempurnaan.

Watak Kwai di Sebalik Teori Psikoanalisis

Dalam watak Kwai, kehendak dalamnya menginginkan kehidupan bahagia selama-lamanya bersama dengan isterinya yang tercinta, Cahaya. Manakala kehendak luarannya dia tidak mahu Cahaya pergi meninggalkannya kerana dia merasakan amat-amat memerlukan Cahaya. Kehendak luaran tersebut mempengaruhi diri Kwai setelah dia tidak dapat menghalang Cahaya pergi meninggalkannya dan dia tidak mempunyai keupayaan melawan takdir. Akhirnya keadaan ini mewujudkan sebuah tekanan jiwa dalam diri Kwai.

“Hakikatnya, dia mahu mereka berdua terus bersama meniti hari mendatang dan menjadi tua bersama-sama” (*Mencari Cahaya*, halaman 321)

Melihat dari sudut psikologi, konflik kejiwaan dalam diri Kwai didorong oleh tuntutan id atau keadaan bawah sedar (*subconscious*) yang berkehendakkan sesuatu diluar kawalan sebagai seorang manusia yang tidak mempunyai apa-apa daya melawan takdir Tuhan. Unsur id Kwai dapat dilihat melalui keinginannya untuk hidup bersama-sama Cahaya selamanya tidak disebelahi takdir menyebabkan jiwanya meronta dan kehilangan arah tuju hidup. Hal ini menunjukkan pengaruh id mengundang perasaan resah gelisah, runsing, sedih dan tidak mempunyai matlamat dalam kehidupan serta mengundang aura *negativity* yang sangat besar

sehingga menyebabkan kehilangan personaliti diri yang sebenar. Berikut adalah dorongan id dalam diri Kwai :

“Cahaya sudah mati dan mereka menganggap semua itu bagaikan tiada apa-apa? Dia terasa seperti ada api merecik dalam hati dan jiwanya. Ada sesuatu yang memberontak dan mengganas dalam sukmanya. Mengapa mereka itu tidak memahami bahawa Cahayanya sudah meninggalkan dia sendirian? Siapa lagi yang yang tinggal padanya? Tidakkah mereka bersimpati dengan nasibnya yang sebatang kara dan kesepian ini?” (*Mencari Cahaya*, halaman 319)

Petikan tersebut menunjukkan unsur id Kwai atau suatu bentuk ketenangan bagi segala kehendak manusia yang mendorong tingkah laku yang baik atau sebaliknya. Perasaan id Kwai merupakan rasa tidak keruan dan kesedihan yang melampau yang terjadi akibat dorongan biologikal, iaitu tidak dapat menerima pemergian Cahaya, isteri yang dicintainya dalam masa masa yang begitu singkat untuk usia perkahwinan mereka. Tekanan ini menyebabkan Kwai nekad meninggalkan segala-galanya termasuk anak hasil benihnya bersama Cahaya. Kwai hilang kewarasan sementara akibat didorong perasaan yang amat sedih dan menimbulkan kecelaruan dalam dirinya.

Mekanisme ego bertindak mengawal id kerana ego merupakan bahagian personaliti yang rasional, logikal, dan beroperasi berdasarkan prinsip realiti. Unsur ego merupakan keadaan separa sadar yang bertindak balas dengan kehendak id sama ada dalam bentuk positif atau negatif. Ego bertindak menggunakan pemikiran proses sekunder, iaitu strategi penyelesaian masalah yang lebih kritikal, tersusun dan realistik.

Dalam situasi Kwai, perasaan celaru dan sedih wujud akibat tekanan emosi yang disalurkan hasil kehilangan Cahaya yang sukar untuk diterima olehnya. Ini mengakibatkan nilai negatif yang seharusnya digantikan kepada positif tidak dapat dicapai kerana naluri id yang memuncak yang disalurkan secara tidak teratur menyebabkan Kwai nekad untuk membawa diri walaupun tanpa tujuan demi dan meninggalkan segala-galanya yang dimilikinya.

“Lalu dia buat keputusan nekad. Dia akan tinggalkan rumah itu. Bukan sekadar tinggalkan rumah, tetapi tinggalkan kampung yang menyemai benih kenangan manisnya bersama-sama cahaya. Segala-galanya ...termasuk kejanya di kilang gula, kawan-kawan dan daerah yang dicintainya. Selamat tinggal semua!” (*Mencari Cahaya*, halaman 321)

Menurut S. Othman Kelantan (1985), konflik yang berat akan menekan unsur bawah sadar. Kwai tidak berupaya menjadikan mekanisme ego untuk mengawal unsur id-nya. Kegagalan ego menjadi jaringan id akan berkelakuan ganjil malah memperlihatkan keadaan yang amat terdesak sehingga sanggup meninggalkan segala-galanya termasuklah anak yang baru sahaja dilahirkan. Dalam konteks yang lebih waras, Kwai seharusnya merangsang ego agar menjadi lebih positif dan membaiki keadaan dengan cara yang betul. Ego yang kalah dengan tuntutan id memberi impak kepada diri sendiri kerana tidak berjaya menjadikan ego sebagai jaringan kepada kehendak id. Hasilnya, terdamparlah Kwai sebagai seorang gelandangan yang tidak mempunyai apa-apa hatta tidak mengetahui apa pun mengenai anak yang ditinggalkan akibat keputusannya untuk keluar membawa diri tanpa hala tujuan. Dia bukan sahaja kehilangan Cahaya, malah dirinya dan juga anaknya.

Unsur super ego pula merupakan minda sedar manusia yang menggunakan fungsi akal untuk berfikir secara logik tentang kebaikan dan keburukan dalam memenuhi atau menangani id. Hal ini dikukuhkan lagi oleh Arba'ie Sujud et al. (2010) menurutnya, super ego berperanan menentukan baik buruk sesuatu perkara. Oleh hal yang demikian, manusia perlu bijak menguasai diri sendiri agar tidak dikuasai oleh keadaan luaran yang akan memberi impak negatif kepada diri dan belajar membatasi nafsu serta menerima keadaan walaupun bukan seperti yang dimahukan. Pertimbangan secara rasional dalam melakukan keputusan amat signifikan dalam kehidupan.

Walaupun, Kwai gagal mengawal idnya melalui mekanisme ego, namun dibawah minda sedar iaitu unsur super ego Kwai berjaya berfikir secara logik natijah keputusan yang pernah diambilnya dahulu lalu cuba kembali mencari jalan pulang. Dia sedar pergantungannya kepada Cahaya untuk meneruskan hidup adalah kesilapan yang dilakukannya kerana menyebabkannya tidak mampu untuk meneruskan kehidupan setelah Cahaya pergi meninggalkan dunia. Super ego Kwai berjaya menyebabkan Kwai menemui apa yang dia kehilangan setelah Cahaya pergi.

“Hanya satu kesilapannya. Dia tersilap kerana meletakkan harapan terlalu tinggi pada kehidupan baharunya. Dia salah kerana menganggap dirinya ada kuasa penuh terhadap keluarga yang baru dimilikinya. Dia terlupa bahawa dia sebenarnya tidak berkuasa untuk mengawal apa-apa pun. Kuasa itu bukan di tangannya. Kuasa itu terletak di tangan yang lebih berkuasa”. (*Mencari Cahaya*, halaman 171)

Tindak balas yang dihasilkan rentetan kesilapan membuat keputusan pada mulanya, membawa Kwai kembali manusia yang lebih baik pada akhir cerita. Kwai mencari jalan pulang dan berjaya mengatasi konflik yang selama ini mencengkam jiwanya.

Kwai memejamkan matanya. Ada sesuatu menusuk ke hati. Wajah Cahaya melintasi benak. Cahaya, abang sudah pulang! Dia berdoa bersungguh-sungguh untuk kesejahteraan Cahaya. Cahaya pasti bahagia di syurga. Cahaya mati syahid, pasti tempatnya di syurga. Cahaya mati syahid selepas melahirkan anak mereka!
(*Mencari Cahaya*, halaman 328)

Naratif yang dihasilkan penulis seimbang dan plot penceritaan yang tidak tergantung walaupun pada peleraian cerita Kwai tidak bersemuka dengan anak kandungnya setelah mengetahui hal sebenarnya namun naluri kebapaan tetap mengalir dalam jiwanya. Kwai berharap satu hari nanti dia akan bersua dengan anak kandungnya walaupun sebelum ini dia pernah beberapa kali berjumpa dengan anaknya namun hanya sebagai orang asing.

“Bapa doakan kamu, nak. Selalu doakan kamu. Bukan bapa tak mahu mengaku kamu sebagai anak tapi bapa belum bersedia. Insyaa-Allah, suatu hari nanti, kita akan bertemu semula. Kesempatan itu pasti akan tiba.” (*Mencari Cahaya*, halaman 351)

Keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa unsur id Kwai meronta-ronta dan memberontak apabila kemahuan luarannya tidak dapat dipenuhi menyebabkan kegagalan mekanisme ego dirinya. Lantaran itu dia pergi membawa diri tanpa arah tuju dan meninggalkan segala yang dimilikinya. Akhirnya, dengan minda sedar melalui unsur super ego Kwai kembali mencari

kembali jalan pulang dan dia bukan sahaja “menemui” Cahaya walaupun bukan dalam jasad yang sebenar namun dia juga menemui cahaya yang membawa dia kembali kepada fitrahnya.

Kesimpulan

Mencari Cahaya berjaya mencitrakan prinsip keperibadian dan unsur kejiwaan individu yang menghadapi keperitan dalam hidup untuk berusaha kembali ke pangkal jalan sebagai manusia normal yang berpaksikan agama dan ikatan silaturahim serta kekeluargaan. Semua unsur atau prinsip keperibadian dalam Teori Psikoanalisis dapat diterapkan dengan huraian dan watak utamanya, iaitu Kwai sebagai panduan dalam merungkai hakikat diri seseorang yang normal di dalam novel ini. Malah, novel ini sarat dengan inti pati hidup yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca untuk melalui fasa kehidupan ini positif.

**Vivekananda a/l N. Marie, Sharil Nizam Sha'ri, Hasnah Mohamad,
Rohaidah Kamaruddin, Mohd Hazreen Shah Hassan,
Ahmad Alf hikrey Ahmad Japar & Nurul Fadzlin Mohd Asri**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.